



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 7 JANUARI 2024**

### **1. MASIH TERLALU AWAL NILAI PROGRAM SMART SAWAH – MINGGUAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH : 7 JANUARI 2024

PERKARA : ISU SEMASA

# Masih terlalu awal nilai program SMART Sawah

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**  
[irdina.sumali@mediamulia.com.my](mailto:irdina.sumali@mediamulia.com.my)

**PETALING JAYA:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menafikan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di bawah kementerian itu tidak berkesan dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Ketua Pengarah Bahagian Pengawalan Padi dan Beras kementerian berkenaan, Datuk Azman Mahmood berkata, penilaian bagi program SMART masih terlalu awal dan ia baru sahaja dilaksanakan pada tahun 2021.

“Oleh sebab itu, pihak pengi-

lang tidak boleh membuat ulasan terlalu cepat kerana program ini mengambil masa kerana melibatkan kerjasama di antara pesawah dan juga pihak industri,” katanya.

*Utusan Malaysia* melaporkan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md. Radzi berkata, Kadar Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras negara yang disasarkan 75 peratus menjelang 2025 sukar dicapai ekoran program yang dirancang tidak mencapai sasaran.

Katanya, program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diperkenalkan pada Februari 2021 bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran

padi dan beras negara, sehingga kini belum mencapai matlamatnya.

Menyangkal dakwaan tersebut, Azman berkata, kerajaan sangat komited bagi memastikan Malaysia mampu bergantung kepada penghasilan bekalan beras tempatan berbanding beras import.

“Untuk setahun pertama program ini, kita buat projek rintis untuk bagi kepada syarikat 100 hektar pertama dahulu dan projek ini akan diperluaskan lagi, sebab itu masih belum ada capaian sasaran,” katanya.

Tambah beliau, KPKM kini sedang dalam proses memperkembangkan lagi Program SMART di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.